



JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

KEDAH
TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI KEDAH
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 5
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 8
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 21
Akaun Amanah Disatukan	2 - 21
Penyata Akaun Memorandum	2 - 37
Akaun Belum Terima	2 - 40
Rumusan Audit	2 - 43
Syor Audit	2 - 44

BAHAGIAN III		
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI		
Pendahuluan	3 - 3	
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3	
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4	
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5	
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 6	
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 8	
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 9	
Bidang Utama Audit	3 - 23	
Rumusan Audit	3 - 24	
Syor Audit	3 - 24	
BAHAGIAN IV		
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI		
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	4 - 3	
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	4 - 3	
PENUTUP	5 - 3	
LAMPIRAN		
Lampiran I	- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	6 - 7
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	6 - 11
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	6 - 12
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 13
AKRONIM	7 - 3	

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
 - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

21 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.
- Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

BAHAGIAN I Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM74.57 juta iaitu menurun sejumlah RM79.35 juta berbanding RM153.92 juta pada akhir tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit semasa berjumlah RM49.38 juta. Kutipan hasil menurun sejumlah RM73.75 juta atau

11.7% menjadi RM559.12 juta berbanding RM633.07 juta pada tahun 2017.

- Sejumlah RM127.97 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 berbanding RM532.54 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,846 projek yang dirancang, 1,776 projek telah disiapkan sepenuhnya dan 25 projek sedang dilaksanakan. Hanya 37 projek belum dimulakan manakala 8 projek telah dibatalkan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM22.12 juta atau 8% daripada RM275.09 juta pada tahun 2017 kepada RM252.97 juta pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM3.70 juta atau 4.6% daripada RM80.13 juta pada tahun 2017 kepada RM83.83 juta pada tahun 2018.
- Baki Hutang Awam meningkat sejumlah RM56.61 juta atau 2.1% menjadi RM2.704 bilion berbanding RM2.648 bilion pada tahun 2017. Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 juga meningkat sejumlah RM41.61 juta atau 3.7% menjadi RM1.159 bilion berbanding RM1.118 bilion pada tahun 2017.

BAHAGIAN III

Penyerahan,Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Kesemua 23 Agensi Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2018 untuk diaudit.
- Setakat 31 Ogos 2019, 18 Penyata Kewangan Tahun 2018 telah disahkan dan diberi Sijil Tanpa Teguran. Baki lima (5) Penyata Kewangan masih belum disahkan.
- Berdasarkan 12 penyata kewangan BBN termasuk MAI, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2017.
 - Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya BBN telah mencatatkan penurunan dalam lebihan pendapatan terkumpul berjumlah RM51.83 juta atau 3.2%. BBN juga telah mencatatkan defisit pendapatan sejumlah RM44.61 juta

berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM25.71 juta pada tahun 2017.

- Selain itu, jumlah aset dan aset semasa bersih berkurang masing-masing sejumlah RM50.95 juta atau 2.3% dan RM41.54 juta atau 7.2%.
 - Pada 31 Disember 2018, 22 daripada 30 anak syarikat bagi tiga (3) BBN mengalami kerugian terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM29.57 juta. Manakala lapan (8) anak syarikat mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM322.21 juta.
- Berdasarkan 11 penyata kewangan PBT, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - Prestasi kewangan bagi 11 PBT secara keseluruhannya mencatatkan defisit pendapatan sejumlah RM4.44 juta berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM8.15 juta pada tahun 2017;
 - Lapan (8) PBT mencatatkan defisit berjumlah RM22.13 juta manakala tiga (3) PBT pula mencatatkan lebihan berjumlah RM17.69 juta; dan
 - Kutipan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM3.58 juta kepada RM115.82 juta berbanding tahun 2017. Tunggakan cukai taksiran juga berkurang sejumlah RM0.48 juta atau 0.5% kepada RM88.09 juta berbanding RM88.57 juta pada tahun 2017.

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

01.01.2018 - 31.12.2018 Tahun kewangan kerajaan negeri	31 Julai 2019 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	31 Mac 2019 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **31 Mac 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam yang mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri jangka panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri manakala liabiliti kerajaan negeri adalah hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan YB. Pegawai Kewangan Negeri Kedah serta Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 22 Julai 2019.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan Bendahari Negeri Kedah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII.**

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2018 – RM559.12 juta	2018 – (RM642.64 juta)	2018 – RM252.97 juta
2017 – RM633.07 juta	2017 – (RM593.26 juta)	2017 – RM275.09 juta
BELANJA ↓	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2018 – RM736.47 juta	2018 - RM0	2018 – RM25.50 juta
2017 – RM897.23 juta	2017 - RM0	2017 – RM25.50 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2018 – RM717.21 juta	2018 – RM2.704 Bilion
	2017 – RM747.18 juta	2017 – RM2.648 Bilion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Pada tahun 2018, prestasi kewangan kerajaan negeri mencatatkan defisit berjumlah RM177.35 juta iaitu berkurang sejumlah RM56.81 juta atau 24.3% berbanding defisit RM234.16 juta pada tahun 2017. Defisit berjumlah RM177.35 juta adalah disebabkan kutipan hasil tahun semasa menurun berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, terdapat pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM64 juta. Kurangan hasil dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri adalah berjumlah RM30.91 juta, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM67.35 juta dan perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah berjumlah RM79.09 juta.



Kutipan hasil tahun semasa menurun.

Defisit RM177.35 juta

Pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan RM64 juta.

Kurangan dibiayai oleh pinjaman Dalam Negeri RM30.91 juta, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan RM67.35 juta, Pelaburan dan Amanah RM79.09 juta.

3.2. Pada tahun 2018 hasil kerajaan negeri berjumlah RM559.12 juta manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM736.47 juta. Hasil kerajaan negeri menurun sejumlah RM73.95 juta atau 11.7% menjadi RM559.12 juta pada tahun 2018 berbanding RM633.07 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM608.50 juta menurun sejumlah RM60.62 juta atau 9.1% berbanding RM669.12 juta pada tahun 2017 manakala perbelanjaan pembangunan mencatat penurunan sejumlah RM70.14 juta atau 35.4% menjadi RM127.97 juta berbanding RM198.11 juta pada tahun 2017. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil	559.12	633.07	-73.95	11.7
	Perbelanjaan Mengurus	608.50	669.12	-60.62	9.1
	Perbelanjaan Pembangunan	127.97	198.11	-70.14	35.4
KURANGAN KESELURUHAN		-177.35	-234.16	56.81	24.3
2.	Kurangan Dibiayai Oleh:				
	Pinjaman Dalam Negeri	30.91	52.96	-22.05	41.6
	Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	67.35	47.92	19.43	40.5
	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	79.09	133.28	-54.19	40.7
JUMLAH PEMBIAYAAN		177.35	234.16	56.81	24.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM74.57 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM35.67 juta dan pelaburan berjumlah RM38.90 juta. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM79.35 juta atau 51.6% iaitu daripada RM153.92 juta pada tahun 2017 menjadi RM74.57 juta pada tahun 2018. Punca penurunan adalah disebabkan penurunan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM49.38 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM29.97 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2018
BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-642.64	-593.26	-49.38	8.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	717.21	747.18	-29.97	4.0
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	243.88	200.20	43.68	21.8
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-1,013.12	-1,030.61	17.49	1.7
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	130.19	113.40	16.79	14.8
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,126.81	1,117.41	9.40	0.8
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	134.51	238.95	-104.44	43.7
	c) Akaun Deposit	338.82	308.03	30.79	10.0
KUMPULAN WANG DISATUKAN		74.57	153.92	-79.35	51.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017


4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2015, meningkat pada tahun 2016 hingga 2017 dan menurun semula pada tahun 2018. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2017 dan yang terendah adalah pada tahun 2015. Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-400.57	-497.93	-557.21	-593.26	-642.64
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	33.66	23.86	1.94	0.00	0.00
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	515.15	517.48	625.96	747.18	717.21
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-749.84	122.45	133.68	200.20	243.88
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-932.26	-1,027.57	-1,058.57	-1,030.61	-1,013.12
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	88.99	87.64	116.65	113.40	130.19
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	93.43	1,062.38	1,075.60	1,117.41	1,126.81
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	1,038.94	120.27	187.32	238.95	134.51
	c) Akaun Deposit	226.05	274.76	304.96	308.03	338.82
	KUMPULAN WANG DISATUKAN	148.24	43.41	70.69	153.92	74.57

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018

CARTA 1
TREND KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa dan Deposit Dalam Negeri iaitu simpanan tetap yang disimpan kurang daripada tiga (3) bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan



Penurunan
baki Wang Tunai.

RM78.66 juta

RM114.33 juta pada tahun 2017 kepada RM35.67 juta pada tahun 2018.

telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI				
a) Wang Tunai Dalam Bank	35.31	113.99	-78.68	69.0
b) Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.08	0.06	0.02	33.3
c) Wang Tunai Dalam Tangan	0.28	0.28	0.00	0.0
JUMLAH	35.67	114.33	78.66	68.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM78.66 juta atau 68.8% iaitu daripada RM114.33 juta pada tahun 2017 kepada RM35.67 juta pada tahun 2018. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan peningkatan iaitu sejumlah RM0.02 juta atau 33.3% berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Tunai Dalam Bank pula menurun sejumlah RM78.68 juta atau 69%. Tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Pada keseluruhannya, penurunan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2018 adalah disebabkan penurunan Wang Tunai Dalam Bank kerana bayaran pengambilan tanah *Kedah Rubber City* di Mukim Padang Terap berjumlah RM100 juta.

5.2. Pelaburan

5.2.1. Pelaburan kerajaan negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am. Pelaburan Am adalah pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri. Pelaburan Saham terdiri daripada pelaburan dalam Kedah Islamic Asset Management Bhd., Malaysia Airports Holdings Berhad dan Petronas Dagangan Berhad. Deposit Dalam Negeri pula terdiri daripada simpanan tetap yang disimpan melebihi tiga (3) bulan. Baki pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM38.90 juta menurun sejumlah RM0.69 juta berbanding RM39.59 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a) Saham	16.60	17.29	-0.69	4.0
i) Kedah Islamic Asset Management Berhad	4.73	5.42	-0.69	12.7
ii) Malaysia Airports Holdings Berhad	9.35	9.35	0.00	0.0
iii) Petronas Dagangan Berhad	2.52	2.52	0.00	0.0
b) Deposit Dalam Negeri	22.30	22.30	0.00	0.0
JUMLAH	38.90	39.59	-0.69	1.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

5.2.2. Analisis Audit mendapati pendapatan daripada Deposit Dalam Negeri pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.46 juta atau 49% menjadi RM4.44 juta berbanding RM2.98 juta pada tahun 2017. Dividen pelaburan saham pada tahun 2018 berjumlah RM2.25 juta terdiri daripada dividen saham Malaysia Airports Holdings Berhad berjumlah RM0.49 juta dan Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM1.76 juta. Pendapatan daripada Pelaburan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 6**.



Pendapatan pelaburan
Deposit Dalam Negeri
tahun 2018 meningkat.

RM1.46 juta

RM4.44 juta berbanding
RM2.98 juta pada tahun
2017.

JADUAL 6
PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN PADA
TAHUN 2018 BERBANDING PADA TAHUN 2017

BIL.	PELABURAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	2.25	1.46	0.79	54.1
2.	Deposit Dalam Negeri	4.44	2.98	1.46	49.0
JUMLAH		6.69	4.44	2.25	50.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan defisit semasa berjumlah RM49.38 juta berbanding defisit berjumlah RM36.05 juta pada tahun 2017. Defisit ini berpunca daripada pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM64 juta melebihi lebihan hasil semasa berjumlah RM14.62 juta dan menyebabkan

baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat daripada RM593.26 juta pada tahun 2017 kepada sejumlah RM642.64 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA
TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
	Baki Pada 1 Januari	-593.26	-557.21	-36.05	6.5
	Hasil	559.12	633.07	-73.95	11.7
1.	Hasil Cukai	223.52	249.78	-26.26	10.5
2.	Hasil Bukan Cukai	187.40	246.00	-58.60	23.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	148.20	137.29	10.91	7.9
	Perbelanjaan	544.50	549.12	-4.62	0.8
1.	Emolumen	215.47	217.28	-1.81	0.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	138.71	135.70	3.01	2.2
3.	Aset	11.14	5.36	5.78	107.8
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	175.09	172.72	2.37	1.4
5.	Perbelanjaan Lain	4.09	18.06	-13.97	77.4
	Lebihan Hasil Semasa	14.62	83.95	-69.33	82.6
	Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	64.0	120.00	-56.00	46.7
	Defisit Semasa	-49.38	-36.05	-13.33	37.0
	BAKI PADA 31 DISEMBER	-642.64	-593.26	-49.38	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

6.3. Hasil

Hasil kerajaan negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri menganggarkan sejumlah RM779.50 juta kutipan hasil pada tahun 2018. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip pada tahun 2018 berjumlah RM559.12 juta iaitu 71.7% daripada anggaran hasil seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
ANGGARAN BERBANDING KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	302.96	223.52	73.8
2.	Hasil Bukan Cukai	252.60	187.40	74.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	223.94	148.20	66.2
JUMLAH		779.50	559.12	71.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018

6.3.1. Kutipan Hasil Tahun 2018 Berbanding Tahun 2017


Hasil pada tahun semasa berjumlah RM559.12 juta menurun sejumrah RM73.95 juta atau 11.7% berbanding tahun 2017 berjumlah RM663.07 juta seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 2**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1	Hasil Cukai	223.52	249.78	-26.26	10.5	<ul style="list-style-type: none"> Kesilapan mengambilkira hasil terimaan daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebagai terimaan hasil di bawah Hasil Cukai pada tahun 2017 berjumlah RM10.93 juta menyebabkan Hasil Cukai pada tahun 2017 telah terlebih diambilkira sejumrah amanur tersebut. Pada tahun 2018, hanya levi yang sepatutnya dikutip diperakaunkan menyebabkan kesan penurunan ketara kepada hasil levi pada tahun 2018. Penurunan kutipan Hasil Cukai semasa berjumlah RM5.50 juta dan penurunan terimaan tunggakan cukai tanah pada tahun 2018 berjumlah RM6 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai	187.40	246.00	-58.60	23.8	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan disebabkan terimaan hasil premium tanah pada tahun 2018 hanya berjumlah RM50.92 juta iaitu penurunan sejumrah RM70.84 juta (58.2%) berbanding terimaan pada tahun 2017 berjumlah RM121.76 juta.
3.	Terimaan Bukan Hasil	148.20	137.29	10.91	7.9	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan disebabkan penerimaan bayaran sumbangan khas daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM10 juta.
JUMLAH		559.12	663.07	-73.95	11.7	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Hasil Cukai

Hasil Cukai mencatatkan pungutan tertinggi dalam komponen hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 iaitu berjumlah RM223.52 juta atau 39% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil Cukai yang dipungut dalam tahun semasa mencatatkan penurunan berjumlah RM26.26 juta menjadi sejumlah RM223.52 juta berbanding tahun 2017 berjumlah RM249.78 juta. Prestasi kutipan Hasil Cukai adalah 73.8% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM302.96 juta pada tahun 2018.

6.3.3. Hasil Bukan Cukai

Hasil Bukan Cukai pada tahun 2018 menunjukkan penurunan sejumlah RM58.60 juta menjadi RM187.40 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM246 juta. Prestasi terimaan Hasil Bukan Cukai adalah 74.2% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM252.60 juta pada tahun 2018.

6.3.4. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil telah mencatatkan peningkatan berjumlah RM10.91 juta atau 7.9% kepada RM148.20 juta pada tahun 2018 berbanding RM137.29 juta pada tahun 2017. Prestasi Terimaan Bukan Hasil adalah 66.2% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM223.94 juta pada tahun 2018.

6.3.5. Hasil Utama

Penyumbang utama hasil kerajaan negeri terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Premium Hutan, Pemberian Bayaran untuk Membaiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di bawah Senarai Bersama, Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan, Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk, Tanah (Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah) dan Royalti Pengeluaran Bahan Batuan. Hasil tersebut menyumbang sejumlah RM404.72 juta atau 72.4% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2018 berbanding kutipan berjumlah RM471.03 juta atau 74.4% pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	TAHUN			
		2018		2017	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	166.86	41.2	172.40	36.6
2.	Premium Tanah	50.92	12.6	121.76	25.8
3.	Premium Hutan	51.96	12.8	45.48	9.7
4.	Pemberian Bayaran Bagi Membaiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di bawah Senarai Bersama	36.33	9.0	35.38	7.5
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	29.71	7.3	29.39	6.2
6.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	25.45	6.3	26.38	5.6
7.	Tanah (Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah)	25.69	6.3	25.10	5.3
8.	Royalti Pengeluaran Bahan Batuan	17.80	4.4	15.14	3.2
JUMLAH		404.72	72.4	471.03	74.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

6.3.6. Peningkatan Dan Penurunan Hasil

Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Jadual 12**.

JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Bayaran Yang Lain (71999)	13.40	0.10	13.30	13,300.0	Peningkatan adalah disebabkan hasil yang sepatutnya dicaj ke kod 71999 telah tersalah caj ke kod 71901 (Bayaran-Bayaran Memeriksa Jentera Termasuk Bagi Pemeriksaan dan Pemberian) pada tahun 2017.
2.	Pelbagai Terimaan Yang Lain (82599)	10.01	2.34	7.67	327.8	Penerimaan pada tahun 2018 daripada bayaran sumbangan khas oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM10 juta dan bayaran dari sumbangan ke atas pengurusan potongan gaji.
3.	Premium Perhutanan (73701)	51.96	45.48	6.48	14.0	Bayaran ansuran premium pada tahun sebelumnya iaitu 2016 dan 2017 dijelaskan dalam tahun 2018.
4.	Pelarasan Dari Akaun Amanah (81207)	2.91	0.00	2.91	100.0	Pindahan dari akaun L1311885 Potongan Bendahari Negeri berjumlah RM2,400, akaun L1311845 Akaun Penyelesaian Bank (Gaji) berjumlah RM362.33 dan pindahan baki dari akaun L1311869 Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri berjumlah RM2.90 juta. Pindahan ini adalah baki dari Akaun Penyelesaian yang sepatutnya diselesaikan dengan secepat mungkin seperti Arahan Perbendaharaan 153.
5.	Denda-Lewat Bayar Cukai Tanah (Kod 76103)	3.60	0.88	2.72	309.1	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan disebabkan terdapat diskon denda lewat iaitu pengurangan sebanyak 50% bagi tunggakan denda lewat merujuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 8 November 2017, kertas No.7(F)389/2017 berkuatkuasa 1 Disember 2017 - Mei 2018. Pelarasan semula kod hasil bagi denda lewat cukai tanah ke kod yang dikhaskan untuknya.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

JADUAL 12
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN			
				(RM Juta)	(%)		
1.	Premium Tanah Yang Lain (73699)	50.92	121.76	-70.84	58.2	<p>Sebanyak 8 daripada 12 Pejabat Tanah mencatatkan penurunan terimaan hasil pada tahun 2018 berbanding 2017 manakala 4 Pejabat Tanah mencatatkan peningkatan terimaan hasil.</p> <p>Penurunan ini adalah disebabkan tiada pembayaran premium dari pihak syarikat atau individu yang melibatkan jumlah yang besar seperti mana tahun 2017.</p>	

BIL.	BUTIRAN	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
2.	Lain-Lain Levi (62799)	1.07	11.72	-10.65	90.9	Pada tahun 2017 pelarasan kod objek tidak dibuat bagi kesilapan caj kod hasil menyebabkan hasil pada tahun 2017 meningkat dan pada tahun 2018 terdapat kesilapan yang sama berulang. Namun kesilapan berjumlah RM1.05 juta dicaj ke kod hasil ini bagi bayaran caj perparitan dan bayaran lain-lain levi membawa pelancong ke Pulau Payar. Ini menyebabkan pengurangan ketara kod hasil bagi lain-lain levi.
3.	Bayaran-Bayaran Balik Yang Lain (81199)	0.01	9.09	-9.08	99.9	Terimaan pada tahun 2018 adalah daripada bayaran balik elauan perjalanan, bayaran balik yang lain bagi lebihan bayaran tuntutan elauan lebih masa dan terimaan pelarasan gaji. Penerimaan pada tahun 2017 pula adalah dari lebihan pembayaran bagi membiayai baki pembayaran tertangguh untuk projek pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN) sejumlah RM9.06 juta.
4.	Bayaran-Bayaran Memeriksa Jentera Termasuk Bayaran Bagi Pemeriksaan dan Pemberian (71901)	0.62	8.51	-7.89	92.7	Penurunan adalah disebabkan pada tahun 2017 terdapat perubahan perihal terimaan dari pelbagai terimaan kepada bayaran memeriksa jentera termasuk bayaran bagi pemeriksaan dan pemberian.
5.	Tunggakan Cukai Tanah (61198)	17.35	24.03	-6.68	27.8	<p>Kekurangan pembayaran cukai tanah oleh pemilikan dan terdapat pertindihan data hakmilik yang tidak dibatalkan dalam sistem SPTB dan terdapat hakmilik lama yang tidak dibatalkan dalam sistem SPTB apabila hakmilik tersebut sudah dipecahkan menjadi beberapa hakmilik lain. Proses pemutihan sedang dijalankan.</p> <p>Salah satu faktor yang menyebabkan penurunan cukai tanah bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 ialah tanah yang mempunyai syarat nyata industri dan tidak dibangunkan oleh syarikat kerana terbeban dengan kadar cukai tanah yang tinggi. Jumlah tunggakan cukai tanah bagi kategori kegunaan tanah industri ialah berjumlah RM6.09 juta.</p> <p>Tunggakan yang tinggi juga disebabkan pemaju berhasrat untuk membuat projek perumahan tetapi tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh masa yang diperuntukkan disebabkan masalah kewangan dan lain-lain. Ini menyebabkan pihak pemaju menanggung tunggakan cukai yang tinggi. Tunggakan cukai tanah bagi kategori kegunaan tanah bangunan berjumlah RM44.76 juta.</p> <p>Kebanyakan syarikat/pemaju yang diisytiharkan bankrap dan mempunyai nilai tunggakan yang tinggi serta tempoh tunggakan yang lama. Tunggakan syarikat/pemaju yang bankrap berjumlah RM16.55 juta.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

6.4. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan ini diperakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan

Wang Disatukan iaitu Peruntukan DiRaja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Hutang Kerajaan dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Perbelanjaan Bekalan pula adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti harian Jabatan Negeri.

6.4.1. Analisis Bajet Mengurus

a. Analisis Bajet Tahun Semasa Berbanding Tahun Sebelum

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menganggarkan Perbelanjaan Mengurus sejumlah RM856.87 juta. Bagaimanapun, jumlah sebenar yang dibelanjakan pada tahun 2018 ialah RM608.51 juta. Perbelanjaan Mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah sejumlah RM608.51 juta iaitu menurun sejumlah RM60.62 juta atau 9.1% berbanding tahun 2017 iaitu sejumlah RM669.12 juta. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
BERBANDING PADA TAHUN 2018 DAN 2017

PERKARA	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	%
Peruntukan				
i. Asal	855.22	810.23	44.99	5.6
ii. Tambahan Peruntukan	1.65	0.00	1.65	100.0
Jumlah Peruntukan Mengurus	856.87	810.23	46.64	5.8
Perbelanjaan Sebenar*	608.50	669.12	-60.62	9.1
Lebihan Peruntukan	248.37	141.11	107.26	76.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

Nota: (*) - Tidak Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

b. Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Tahun Semasa

Pada tahun 2018, sejumlah RM856.87 juta peruntukan Perbelanjaan Mengurus telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2018 adalah berjumlah RM608.50 juta iaitu 71% daripada jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan Mengurus berbanding peruntukan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS BERBANDING PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	262.15	215.47	82.2
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	164.09	138.71	84.5
3.	Aset	15.84	11.14	70.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	409.05	239.09	58.5
5.	Perbelanjaan Lain	5.74	4.09	71.3
JUMLAH		856.87	608.50	71.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018

Nota : (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.4.2. Perbelanjaan Mengurus kerajaan negeri secara keseluruhannya menurun sejumlah RM60.62 juta atau 9.1% iaitu daripada RM669.12 juta pada tahun 2017 kepada RM608.50 juta pada tahun 2018. Analisis Audit mendapati perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, Perbelanjaan Lain dan Emolumen menurun masing-masing sejumlah RM53.63 juta, RM13.97 juta dan RM1.81 juta pada tahun 2018. Pembelian Aset serta perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan pula masing-masing menunjukkan peningkatan sejumlah RM5.78 juta dan RM3.01 juta pada tahun 2018. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut maksud perbelanjaan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 15**.



Penurunan
Perbelanjaan Mengurus.

RM60.62 juta

Peningkatan perbelanjaan
Aset RM5.78 juta serta
Perkhidmatan dan Bekalan
RM3.01 juta.

Penurunan perbelanjaan
Pemberian dan Kenaan
Bayaran Tetap
RM53.63 juta, Perbelanjaan
Lain RM13.97 juta dan
Emolumen RM1.81 juta.

JADUAL 15
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT MAKSUD PERBELANJAAN
TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	215.47	217.28	-1.81	0.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	138.71	135.70	3.01	2.2
3.	Aset	11.14	5.36	5.78	107.8
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	239.09	292.72	-53.63	18.3
5.	Perbelanjaan Lain	4.09	18.06	-13.97	77.4
JUMLAH		608.50	669.12	-60.62	9.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

Nota : (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.4.3. Perubahan Perbelanjaan Yang Ketara Tahun 2018 Berbanding Tahun 2017

Butiran perbelanjaan yang menunjukkan justifikasi peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Alatan Elektronik Kelengkapan	2.34	0.38	1.96	515.8	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pembelian peralatan ICT dan alat-alat kelengkapan yang lain.
2.	Kenderaan	2.29	0.46	1.83	397.8	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pembelian kenderaan baharu.
3.	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	8.61	7.56	1.05	13.9	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan perbelanjaan di bawah Objek Lanjut 27299 (bekalan am) sempena Majlis Istiadat Pertabalan berjumlah RM1.54 juta.
4.	Perkhidmatan Ikhtisas/Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	71.71	67.09	4.62	6.9	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan perbelanjaan mengurus berkaitan bayaran di bawah Objek Lanjut 29199 (perkhidmatan lain) seperti pakej lawatan, perkhidmatan audio sistem, sewaan khemah dan lain-lain berjumlah RM4.8 juta. Peningkatan perbelanjaan mengurus di bawah Objek Lanjut 29199 (perkhidmatan lain) berkaitan bayaran perkhidmatan sistem mekanikal dan elektrik dan bayaran perkhidmatan kebersihan berjumlah RM2.39 juta di Wisma Darul Aman.
PENURUNAN						
1.	Pembayaran Lain	3.15	13.76	-10.61	77.1	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan perbelanjaan tuntutan bayaran balik kos rawatan sakit sejumlah RM2.67 juta bagi tahun semasa berbanding RM13.75 juta bagi tahun 2017.
2.	Pemberian Dalam Negeri	188.22	240.58	-52.36	21.8	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan Pindahan Wang Pembangunan berjumlah RM64 juta pada tahun semasa berbanding RM120 juta pada tahun 2017. Pengurangan pemberian kepada kerajaan negeri dan Badan Berkanun Negeri berjumlah RM33.56 juta pada tahun semasa berbanding RM39.79 juta pada tahun 2017.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
3.	Perhubungan dan Utiliti	18.61	19.87	-1.26	6.3	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan perbelanjaan mengurus bagi bayaran bil talian Kedah Net, bil elektrik dan bil air berjumlah RM1.42 juta pada tahun 2018 berbanding RM2.60 juta pada tahun 2017.
4.	Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	25.13	25.95	-0.82	3.2	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan perbelanjaan mengurus bagi penyenggaraan bangunan, kenderaan, aset-aset dan kemudahan-kemudahan yang lain berjumlah RM1.32 juta pada tahun 2018 berbanding RM1.41 juta pada tahun 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

6.4.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri dan Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan Pegawai Kewangan perlu diperoleh. Perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2018 berjumlah RM3.19 juta melibatkan 744 baucar bayaran di 27 Jabatan menurun sejumlah RM10.46 juta berbanding RM13.65 juta pada tahun 2017 yang melibatkan 1,777 baucar bayaran. Daripada 27 Jabatan yang terlibat, 23 Jabatan menunjukkan penurunan.
- Pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan pelbagai jenis perbelanjaan antaranya pembayaran elauan lebih masa bulan Disember, bayaran elauan perpindahan rumah, bayaran bil utiliti dan petrol, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta kos rawatan sakit kakitangan kerajaan negeri. Pembayaran tersebut telah dibuat kerana bil/tuntutan diterima selepas penutupan akaun tahun 2017 dan baucar yang dikuiri pada bulan Disember tahun 2017. Semua perbelanjaan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2018 mengikut Jabatan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(A) BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018		2017		PERUBAHAN	
		JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	2.65	393	5.10	833	-2.45	48.0
2.	Pejabat KDYMM Sultan	0.02	13	0.63	150	-0.61	96.8
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	0.07	25	2.15	60	-2.08	96.7
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.04	44	3.11	147	-3.07	98.7
5.	23 Jabatan/Pejabat Lain	0.41	269	2.66	587	-2.25	84.6
JUMLAH		3.19	744	13.65	1,777	-10.46	76.6

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah

- c. Sehingga 14 Mei 2019, sejumlah RM2.07 juta melibatkan 680 bilangan baucar telah menggunakan peruntukan tahun 2019. Berdasarkan sampel yang disemak terdapat 21 bil berjumlah RM80,138 telah dibayar pada tahun 2019 di bawah AP 58(a) walaupun baki peruntukan tahun sebelumnya tidak mencukupi dan melibatkan bil antara tahun 2013 hingga 2018.
- d. Analisis Audit terhadap pembayaran di bawah AP58(a) mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2018 mendapati butiran perbelanjaan yang tertinggi adalah bayaran perkhidmatan dan percetakan berjumlah RM1.20 juta. Selain itu, perbelanjaan bagi petrol berjumlah RM84,498 melibatkan bilangan PTJ yang tertinggi iaitu sebanyak 18 PTJ. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)
MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM Juta)
1.	Gaji, Tunggakkan, Pelarasian Gaji	14	109,721
2.	Elaun-Elaun (Emolumen)	9	44,326
3.	Faedah Kewangan Kakitangan Awam	7	3,107
4.	Makananan Dan Minuman	5	14,553
5.	Penginapan	5	19,140
6.	Tuntutan	9	80,254
7.	Perhubungan	5	6,848
8.	Utiliti	8	119,354
9.	Sewaan	12	19,011
10.	Petrol	18	84,498
11.	Bekalan Pejabat	5	67,777
12.	Penyelenggaraan	8	284,096
13.	Bayaran perkhidmatan dan percetakan	14	1,204,421
14.	Bayaran Kepada Kakitangan Kerajaan	5	15,161

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM Juta)
	Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap Dan Pekerja Sementara Dan Sambilan		
15.	Keraian, Hospitaliti Dan Honorarium	8	304,266
16.	Aset	1	4,200
17.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	4	273,413
18.	Lain-Lain	1	535,654
JUMLAH			3,189,800

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

- e. Semakan lanjut mendapati pembayaran di bawah AP58(a) tujuh (7) bil bagi tahun 2016 berjumlah RM0.16 juta dan 737 bil bagi tahun 2017 berjumlah RM3.03 juta, seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) MENGIKUT TARikh BIL
BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	BULAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)
TAHUN 2016			
1.	Mac	1	16,960
2.	November	1	5,281
3.	Disember	5	139,900
JUMLAH		7	162,141
TAHUN 2017			
1.	Januari	2	5,848
2.	April	4	7,533
3.	Mei	2	5,700
4.	Jun	5	10,853
5.	Julai	9	12,254
6.	Ogos	12	10,802
7.	September	17	15,286
8.	Oktober	26	44,625
9.	November	572	559,494
10.	Disember	523	,355,264
JUMLAH		737	3,027,659
JUMLAH KESELURUHAN		744	3,189,800

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018, 2017 dan 2016

6.4.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan

kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu hasil siasatan. Pada tahun 2018, tiada kes pembayaran yang dibuat di bawah AP 59.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri Kedah mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek bagi Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Badan Berkanun Negeri dan Pelbagai. Selain itu, Akaun ini juga mengakaunkan pinjaman yang diagihkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

7.2. Sejumlah RM30.91 juta telah diterima dalam tahun semasa bagi pinjaman Bekalan Air dan keseluruhan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2018. Kedudukan terimaan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN TERIMAAN DAN PINDAHAN
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	1.94	-1.94	100.0
Terimaan	30.91	52.96	-22.05	41.6
Pindahan	30.91	54.90	-23.99	43.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 berjumlah RM717.21 juta menurun sejumlah RM29.97 juta atau 4% berbanding RM747.18 juta pada tahun 2017. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.


JADUAL 21
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	243.88	200.20	43.68	21.8
• Kumpulan Wang Pembangunan	-1,013.12	-1,030.61	17.49	1.7
• Kumpulan Wang Bekalan Air	130.19	113.40	16.79	14.8
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,126.81	1,117.41	9.40	0.8
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	134.51	238.95	-104.44	43.7
iii. Akaun Deposit	338.82	308.03	30.79	10.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	717.21	747.18	-29.97	4.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

8.1. Penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan pada tahun 2018 berjumlah RM29.97 juta adalah daripada Kumpulan Wang Amanah Awam yang menurun sejumlah RM104.44 juta. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pula meningkat sejumlah RM43.68 juta atau 21.8% menjadi RM243.88 juta pada tahun 2018 berbanding RM200.20 juta pada tahun 2017. Selain itu, baki Akaun Deposit juga mengalami peningkatan sejumlah RM30.79 juta atau 10% menjadi RM338.82 juta berbanding RM308.03 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

8.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Terimaan Balik Pinjaman daripada Agensi Negeri dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-1,030.61	-1,058.57	27.96	2.6
Terimaan	131.35	169.86	-38.51	22.7
Bayaran	113.86	141.90	-28.04	19.8
Lebihan/Defisit	17.49	27.96	-10.47	37.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	-1,013.12	-1,030.61	17.49	1.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- b. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 menurun sejumlah RM38.51 juta atau 22.7% menjadi RM131.35 juta berbanding RM169.86 juta pada tahun 2017. Punca utama pengurangan adalah disebabkan pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM64 juta pada tahun semasa berbanding RM120 juta pada tahun 2017. Selain itu, terdapat juga Terimaan Balik Pinjaman berjumlah RM22.12 juta, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM24.41 juta, Pemberian Hasil Bahagian II berjumlah RM16.99 juta dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah berjumlah RM3.83 juta.

- c. Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berjumlah RM113.86 juta berbanding RM141.90 juta pada tahun 2017 menurun sejumlah RM28.04 juta atau 19.8%. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut Jabatan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
MENGIKUT JABATAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	30.15	50.02	-19.87	39.7
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	35.22	32.82	2.40	7.3
3.	Jabatan Kerja Raya	25.48	37.10	-11.62	31.3
4.	Jabatan Pertanian	3.43	4.27	-0.84	19.7
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.91	4.07	0.84	20.6
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	10.97	8.10	2.87	35.4
7.	Jabatan Perhutanan	3.03	5.10	-2.07	40.6
8.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	0.67	0.42	0.25	59.5
JUMLAH		113.86	141.90	-28.04	19.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- d. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 menunjukkan penurunan sejumlah RM28.04 juta atau 19.8% menjadi RM113.86 juta berbanding RM141.90 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan ketara melibatkan Pejabat Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya bagi pelaksanaan Projek-projek Jalan Negeri berjumlah RM10.83 juta, Projek Jalan dan Jambatan (TAHAP) berjumlah RM9.90 juta dan Projek Kerja Mekanikal dan Elektrik berjumlah RM1.52 juta. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun semasa adalah termasuk pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan Negeri berjumlah RM22.90 juta.
- e. Secara keseluruhannya, perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 bagi projek tersebut berjumlah RM113.86 juta atau 44.2% daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM257.87 juta dan didapati Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah membelanjakan 58.9% daripada peruntukan yang diluluskan, iaitu yang tertinggi daripada lapan (8) Jabatan. Sementara itu, Jabatan-Jabatan lain membelanjakan antara 16.3% hingga 57.6% daripada peruntukan tahun 2018 yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2018 berbanding peruntukan diterima adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018
BERBANDING PERUNTUKAN DITERIMA

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	97.23	30.15	31.0
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	71.00	35.22	49.6
3.	Jabatan Kerja Raya	45.10	25.48	56.5
4.	Jabatan Pertanian	6.47	3.43	53.0
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.34	4.91	58.9
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	19.04	10.97	57.6
7.	Jabatan Perhutanan	6.60	3.03	46.0
8.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	4.1	0.67	16.3
JUMLAH		257.87	113.86	44.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018

- f. Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan penurunan pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM17.49 juta atau 1.7% menjadi RM1.013 bilion berbanding RM1.030 bilion pada tahun 2017.

8.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan bekalan air, pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan pembangunan bekalan air sama ada bayaran secara langsung atau secara pinjaman. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah telah dikorporatkan pada bulan Januari 2010 dan menjadi entiti yang berasingan daripada kerajaan negeri. Perbelanjaan yang diperakaunkan dalam Kumpulan Wang Bekalan Air merupakan bayaran penyelesaian bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum pengkorporatan serta projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air Kerajaan Negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	113.40	116.65	-3.25	2.8
Terimaan	30.90	52.96	-22.06	41.7
Bayaran	14.11	56.21	-42.10	74.9
Lebihan/Defisit	16.79	-3.25	20.04	616.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	130.19	113.40	16.79	14.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- b. Terimaan semasa Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM30.90 juta iaitu menurun sejumlah RM22.06 juta atau 41.7% berbanding RM52.96 juta pada tahun 2017 yang diterima melalui Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Perbelanjaan pembangunan projek bekalan air pula berjumlah RM14.11 juta, menurun sejumlah RM42.10 juta atau 74.9% berbanding perbelanjaan tahun 2017 berjumlah RM56.21 juta.

8.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM9.39 juta atau 0.8% kepada RM1.127 bilion berbanding RM1.117 bilion pada tahun 2017. Peningkatan disebabkan pertambahan baki akaun Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM42.31 juta kepada RM997.95 juta berbanding RM955.64 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PERIHAL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	123.85	157.00	-33.15	21.1
2.	Akaun Perniagaan	1.27	1.22	0.05	4.1
3.	Akaun Pinjaman	3.73	3.55	0.18	5.1
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	997.95	955.64	42.31	4.4
JUMLAH		1,126.80	1,117.41	9.39	0.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

a. Akaun Penyelesaian - Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM30 juta kepada RM117 juta pada tahun 2018 berbanding RM147 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan dalam bentuk pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM70 juta pada 28 Februari 2018 bagi membantu membiayai keperluan aliran tunai kerajaan negeri. Pembayaran pada tahun 2018 berjumlah RM30 juta terdiri daripada:

- i. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastuktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM10 juta setahun mulai dari tahun 2018 hingga tahun 2020;
- ii. Pemberian Kos Perkhidmatan di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan berjumlah RM15 juta; dan
- iii. Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Pemberian Ikut Kepala) yang dibayar pada bulan Julai sejumlah RM5 juta.

b. Akaun Penyelesaian - Penyelesaian Cek Terbatal

Akaun Penyelesaian Cek Terbatal meningkat sejumlah RM0.35 juta atau 9.7% kepada RM3.96 juta pada tahun 2018 berbanding RM3.61 juta pada tahun 2017. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah RM2.38 juta cek-cek yang tidak ditunaikan/dituntut oleh penerima melebihi setahun melibatkan tahun 2014 hingga 2017.

c. Pelbagai Kumpulan Wang - Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- i. Pada tahun 2018, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) berjumlah RM977.90 juta berbanding RM935.63 juta pada tahun 2017. Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 berjumlah RM543.55 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM501.28 juta menyebabkan terdapat lebihan terimaan berjumlah RM42.27 juta. Amaun terimaan dan bayaran termasuk transaksi bukan tunai berjumlah RM324.60 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	935.63	905.88	29.75	3.3
Terimaan	543.55	382.11	161.44	42.2
Bayaran	501.28	352.36	148.92	42.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	977.90	935.63	42.27	4.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- ii. Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), jalan-jalan negeri di Negeri Kedah pada akhir tahun 2018 adalah sepanjang 14,775 kilometer, bertambah 886 kilometer berbanding 13,889 kilometer pada tahun 2017.
- iii. Prestasi perbelanjaan berbanding terimaan geran daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah di antara 93.8% hingga 92.2% adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN GERAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEMASA (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2014	861.27	179.64	168.52	872.39	93.8
2015	872.39	194.70	174.76	892.33	89.8
2016	892.33	397.63	384.08	905.88	96.6
2017	905.88	382.11	352.36	935.63	92.2
2018	935.63	543.55	501.28	977.90	92.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018

- d. Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada Perbendaharaan Negeri Kedah berkenaan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah (MARRIS) berkenaan perbezaan baki pada tahun 2018 mengikut Penyata Kewangan berbanding Laporan Penyata Penyatuan Kumpulan Wang Amanah MARRIS Tahun 2018 berbeza sejumlah RM15.26 juta.

Maklum Balas Perbendaharan Negeri Kedah yang diterima pada 9 Julai 2019

Perbezaan tersebut adalah disebabkan dalam sistem iSPEKS, akaun amanah MARRIS direkodkan menggunakan prinsip "*parents and child*" yang mana baki peruntukan

terdapat di Pejabat Kewangan Negeri yang dipegang oleh vot dana E114 dan segala urusniaga terimaan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan di jabatan menggunakan vot dana E401.

Maklum Balas Perbendaharan Negeri Kedah yang diterima pada 21 Julai 2019

Perbendaharaan Negeri telah melakukan penyesuaian antara Laporan Penyata Penyatuan Kumpulan Wang Amanah MARRIS dan Penyata Kewangan Negeri Kedah. Baki Laporan Penyata Penyatuan Kumpulan Wang Amanah MARRIS akan diselaraskan mengikut baki di Penyata Kewangan Negeri Kedah.

8.2.4. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Bekalan Air RMKe-11

- Bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11), peruntukan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2018 berjumlah RM532.54 juta melibatkan lapan (8) Jabatan di mana Pejabat Perbendaharaan Negeri menerima dua (2) peruntukan perbelanjaan iaitu di bawah projek pembangunan dan bekalan air. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11**

BIL.	JABATAN / PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BIL. PROJEK TAHUN SEMASA
PEMBANGUNAN				
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	97.23	30.15	1,217
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	71.00	35.22	4
3.	Jabatan Kerja Raya	45.10	25.48	90
4.	Jabatan Pertanian	6.47	3.43	305
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.34	4.91	90
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	19.05	10.97	79
7.	Jabatan Perhutanan	6.59	3.03	43
8.	Pengarah Tanah dan Galian	4.10	0.67	2
BEKALAN AIR				
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	274.66	14.11	16
JUMLAH		532.54	127.97	1,846

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018

- Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan/Pejabat, prestasi pelaksanaan projek tahun semasa menunjukkan 1,846 projek yang dirancang pada tahun 2018 bagi lapan (8) Jabatan, sebanyak 1,776 projek telah siap dilaksanakan

dan mengikut jadual termasuk token, 25 projek sedang dilaksanakan, 37 projek belum dimulakan dan lapan (8) projek telah dibatalkan. Status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 4**.


JADUAL 30
STATUS PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK			
			*SIAP	SEDANG DILAKXSANAAN	BELUM MULA	BATAL
PEMBANGUNAN						
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	1,217	1,195	18	2	2
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	4	3	-	1	-
3.	Jabatan Kerja Raya	90	82	7	1	-
4.	Jabatan Pertanian	305	302	-	3	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	90	84	-	-	6
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	79	79	-	-	-
7.	Jabatan Perhutanan	43	19	-	24	-
8.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	2	2	-	-	-
BEKALAN AIR						
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	16	10	-	6	-
JUMLAH		1,846	1,776	25	37	8

Sumber: Maklum Balas Jabatan

Nota: (*) - Termasuk Peruntukan Token RM10

CARTA 4
PENCAPAIAN PERLAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2018



- c. Status Projek Pembangunan sehingga akhir tahun 2018 sebanyak 37 projek pembangunan yang masih belum dimulakan bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Perbendaharaan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
STATUS PROJEK PEMBANGUNAN BELUM MULA PADA TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Membina dan Menaiktaraf Maahad Tahfiz Sains Darulaman Kulim	2.00	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kepada surat (20) dlm.P.Kw.N(K)/P04/2018 bertarikh 14 Februari 2018, pihak TSUK Pembangunan melalui BPEN telah menerima kelulusan belanja (dari Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman) RM0.50 juta daripada RM2 juta yang dipohon. Jumlah berkenaan adalah hanya mencukupi bagi menyelesaikan <i>Progress Payment Phase II</i>. Peralihan kerajaan negeri yang berlaku juga menyebabkan perancangan asal projek diselaras semula mengikut hasrat dan hala tuju pentadbiran Kerajaan baharu.
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	Perbelanjaan Mengejut	1.00	Perbelanjaan mengejut diperuntukkan bagi menampung keperluan yang mengejut seperti berlaku bencana dan kejadian luar jangka yang perlu perbelanjaan segera.
3.	Jabatan Kerja Raya	Projek-Projek Jalan Negeri	20.60	Projek masih dalam peringkat awal iaitu peringkat reka bentuk.
4.	Jabatan Pertanian	Pembangunan Projek Pertanian Secara Organik	0.13	Peserta menarik diri pada peringkat akhir.
4.	Jabatan Pertanian	Pembangunan Produk Organik	0.05	Cadangan awal peruntukan akan digunakan untuk menyediakan bahan mentah dan peralatan. Namun tidak ada aktiviti projek yang dibuat untuk pembangunan produk organik pada tahun 2018.
5.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Ladang Hutan Bermutu Tinggi	0.05	Tiada peruntukan untuk program ini pada tahun 2018.
5.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Pembangunan Sumber Hutan	0.20	Projek yang dirancang iaitu pemberian pagar di tapak herba Lubuk Semilang ditangguhkan serta mencadangkan supaya kerja-kerja penanaman spesies herba dijalankan terlebih dahulu atau dijalankan selari dengan pemberian pagar tersebut.
6.	Projek Bekalan Air - Pejabat Perbendaharaan Negeri	Bekalan Air Pelubang	60.00	Pengeluaran pinjaman untuk bayaran perunding diterima pada Disember 2018. pembayaran dibuat pada tahun 2019.
6.	Projek Bekalan Air - Pejabat Perbendaharaan Negeri	Menambah Keupayaan LRA Jenun Baru	45.00	
6.	Projek Bekalan Air - Pejabat Perbendaharaan Negeri	Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	30.00	
6.	Projek Bekalan Air - Pejabat Perbendaharaan Negeri	Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	30.00	
JUMLAH		189.03		

Sumber: Penyata Kewangan 2018 dan Maklum Balas Jabatan

d. Selain itu, terdapat projek di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar masing-masing berjumlah dua (2) projek dan enam (6) projek telah dibatalkan. Antara projek yang dibatalkan adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PROJEK YANG DIBATALKAN TAHUN 2018

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BATAL
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Pojek Pembangunan Kultur Tisu	*0.00	<ul style="list-style-type: none"> Tiada sebarang permohonan atau perancangan peruntukan pembangunan Tahun 2018 dilakukan bagi maksud Projek berkaitan. Namun, token RM10 dimasukkan sebagai <i>contingency</i> sekiranya Kerajaan mempunyai perancangan secara <i>adhoc</i>.
		Projek Pembangunan STEM Exploration Centre	0.15	<ul style="list-style-type: none"> Tiada persetujuan secara bertulis daripada pihak KTPC yang menyatakan serahan 1 tingkat Bangunan KHTP untuk pengwujudan Pusat STEM. Sehubungan itu, projek pembangunan dan program yang berkaitan Pusat STEM tidak dapat dijalankan.
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Membangunkan Kawasan Bekalan Pelbagai Jenis Benih Rumput Jenis Napier di Sebahagian Padang Ragut Bukit Kechil Malau Kubang Pasu	0.07	Memberi laluan kepada kerja-kerja pencegahan pencerobohan padang ragut Malau (kerja-kerja pengukuran kawasan plot kecil dan pembersihan kawasan pencerobohan di padang ragut malau dan pembangunan usahawan makanan ternakan)
		Membangunkan Kawasan Bekalan Benih Rumput di Sebahagian Padang Ragut Pong Manis Padang Terap	0.07	Memberi laluan kepada kerja-kerja pencegahan pencerobohan padang ragut malau (kerja-kerja pengukuran kawasan plot kecil dan pembersihan kawasan pencerobohan di padang ragut malau dan pembangunan usahawan makanan ternakan)
		Pembinaan Stor dan Garaj Pusat Konservasi Makanan Ternakan (TKPM) Sungai Star	0.18	Jabatan Teknikal (JPS) menganggarkan kos diperuntukkan adalah tidak mencukupi (anggaran bajet diperlukan RM0.25 juta). Projek dibatalkan dan memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur asas padang ragut sedia ada yang sedang dibangunkan.
		2 Projek Pengukuran Kawasan di Padang Ragut	0.03	Bajet yang diperuntukkan hanya dapat menampung kos pengukuran satu padang ragut sahaja
		Membangunkan Sistem Maklumat Veterinar Bersepadan Kedah <i>Veterinary Information System (Kvis)</i> Intra-Aktif Yang Boleh Dicapai Melalui Laman Rasmi JPV Kedah	0.00	Tiada penyenggaraan sistem maklumat yang perlu dilakukan.
JUMLAH			0.50	

Sumber: Maklum Balas Jabatan
Nota: (*) - Termasuk Peruntukan Token RM1

8.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Kedudukan baki bagi 40 akaun melibatkan sembilan (9) Pegawai Pengawal di Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM134.51 juta berbanding RM238.95 juta pada akhir tahun 2017 iaitu berkurang sejumlah RM104.44 juta atau 43.7%, seperti dalam **Jadual 33**. Penurunan adalah disebabkan bayaran pampasan tanah bagi projek *Rubber City* Padang Terap berjumlah RM100 juta. Analisis Audit mendapati sebanyak 16 akaun meningkat sejumlah RM54.13 juta dan 13 akaun mengalami penurunan sejumlah RM73.73 juta, baki lapan (8) akaun tidak berubah berjumlah RM6.65 juta manakala tiga (3) akaun telah ditutup.

JADUAL 33
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
MENGIKUT JABATAN TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEGAWAI PENGAWAL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	0.65	1.29	-0.64	49.6
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	74.96	187.07	-112.11	59.9
3.	Jabatan Perhutanan	19.26	18.21	1.05	5.8
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3.05	2.67	0.38	14.2
5.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	0.17	0.25	-0.08	32.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.47	0.47	0.00	0.00
7.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	29.72	24.16	5.56	23.0
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	5.98	4.55	1.43	31.4
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	0.25	0.28	-0.03	10.7
BAKI PADA 31 DISEMBER		134.51	238.95	-104.44	43.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

8.3.2. Pada tahun 2018, sebanyak tiga (3) Akaun Amanah yang tidak aktif atau telah mencapai tujuan berbaki RM66,833 telah ditutup. Baki tersebut telah dikreditkan ke akaun hasil. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH YANG TIDAK AKTIF PADA TAHUN 2018

BIL.	AKAUN AMANAH	BAKI DIKREDIT (RM)
1.	Akaun Amanah Program Latihan Khidmat Negara	40,590
2.	Akaun Amanah Rayuan Hari Pahlawan	167
3.	Akaun Amanah Urban Transformation Centre (UTC) Kedah	26,076
JUMLAH		66,833

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

8.3.3. Akaun Amanah *State Secretary Incorporated (SSI)*

- a. Tujuan penubuhan Akaun Amanah SSI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan. Mengikut Penyata Kewangan kerajaan negeri, baki akaun ini pada tahun 2018 bertambah sejumlah RM1.52 juta atau 19.7% kepada RM9.23 juta berbanding RM7.71 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
BAKI AKAUN AMANAH SSI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	7.72	7.20	0.52	7.2
Terimaan	5.34	2.99	2.35	78.6
Bayaran	3.83	2.48	1.35	54.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	9.23	7.71	1.52	19.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- b. Terimaan pada tahun 2018 berjumlah RM5.34 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM3.83 juta. Empat (4) sumber terimaan paling tinggi ialah bayaran dividen saham Petronas Dagangan Berhad RM1.76 juta, pajakan tanah kerajaan di Teluk Burau, Langkawi berjumlah RM2 juta, bayaran sewa Rumah Penginapan Negeri berjumlah RM0.56 juta dan dividen Malaysia Airport Holdings Berhad berjumlah RM0.49 juta.
- c. Bayaran paling tinggi yang dibuat dalam tahun semasa antaranya adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
BAYARAN TERTINGGI BAGI AKAUN AMANAH SSI DALAM TAHUN SEMASA

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran perkhidmatan bagi kerja-kerja ukuran topografi dan butiran serta pelan permohonan tanah kerajaan untuk maksud Tapak Loji Air, Rumah Pam.	1.05
2.	Bayaran Notis 5A permohonan tanah kerajaan di kawasan perumahan Taman Abadi Fasa 1A, 1B dan Taman Abadi Fasa 2, Caruk Nau, Bandar Baling.	0.19
3.	Bayaran bagi pembelian sebuah kenderaan Toyota Camry HYD 2.5 Luxury (A) untuk kegunaan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.	0.18
4.	Bayaran sumbangan tuntutan bagi baki Program <i>Promoting Innovation At The Workplace: Lesson From Swiss</i> 22-28 Julai 2018.	0.18
5.	Bayaran bagi insurans kebakaran Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAMS) Kuala Ketil.	0.13
6.	Bayaran Notis 5A bagi permohonan tanah kerajaan di kawasan Teluk Burau, Bandar Padang Matsirat, Daerah Langkawi, Kedah bagi maksud bangunan.	0.13
JUMLAH		1.86

Sumber: Rekod Jabatan

8.3.4. Akaun Amanah *Menteri Besar Incorporated (MBI)*

- a. Tujuan penubuhan Akaun Amanah MBI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara, program berkaitan kemasyarakatan dan perbelanjaan yang diarahkan oleh YAB Menteri Besar atau wakilnya. Mengikut Penyata Kewangan, kedudukan baki Akaun Amanah MBI pada akhir tahun 2018 berjumlah RM0.03 juta menurun sejumlalh RM1.95 juta atau 98.5% berbanding RM1.98 juta pada tahun 2017. Terimaan yang diperoleh pada tahun 2018 berjumlah RM2.29 juta manakala bayaran berjumlah RM4.24 juta. Baki Akaun Amanah ini bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH MBI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1.98	2.60	-0.62	23.8
Terimaan	2.29	0.65	1.64	252.3
Bayaran	4.24	1.27	2.97	233.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.03	1.98	-1.95	98.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- b. Perbelanjaan tertinggi bagi Akaun Amanah MBI adalah sumbangan majlis berbuka puasa Pejabat YAB Menteri Besar Kedah berjumlah RM1.93 juta dan sumbangan bagi pembelian lembu sempena Hari Raya Aidiladha tahun 2018 berjumlah RM0.24 juta. Bayaran paling tinggi yang dibuat dalam tahun semasa antaranya adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
PERBELANJAAN TERTINGGI BAGI AKAUN AMANAH MBI

BIL.	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran sumbangan Majlis Berbuka Puasa YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman dan Penyampaian Sumbangan kepada golongan asnaf.	2.03
2.	Perbelanjaan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada fakir miskin seluruh Kedah Sempena Hari Raya Aidil Fitri 2018 serta Majlis Berbuka Puasa.	0.51
3.	Sumbangan lembu bagi Majlis Korban Tahun 2018/1439H.	0.24
4.	Perbelanjaan untuk Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina 2018 bersama YAB Menteri Besar Kedah.	0.13
5.	Sumbangan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman pada 17 Jun 2018.	0.10
6.	Bayaran peruntukan Karnival Kesenian, Kebudayaan Dan Perpaduan sempena perayaan Hari Deepavali.	0.10
7.	Pendahuluan pemberian pelbagai perbelanjaan Pejabat YAB Menteri Besar Kedah seperti bayaran bantuan kepada fakir miskin.	0.08
8.	Bayaran peruntukan membaiki 15 rumah mangsa ribut dan banjir di Kuah, Langkawi.	0.06
JUMLAH		3.25

Sumber: Rekod Jabatan

8.4. Akaun Deposit

8.4.1. Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 18 Akaun Deposit yang diselenggara oleh 24 Jabatan/Pejabat. Kedudukan baki deposit pada tahun 2018 telah meningkat sejumlah RM30.79 juta atau 10% menjadi RM338.82 juta berbanding tahun 2017 berjumlah RM308.03 juta adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JENIS DEPOSIT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	172.55	134.32	38.23	28.5
2.	Deposit Khusus	151.22	173.71	-22.49	12.9
3.	Deposit Pelarasaran	15.05	0.00	15.05	100.0
JUMLAH		338.82	308.03	30.79	10.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

8.4.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diwartakan. Sehingga 31 Disember 2018 terdapat enam (6) Akaun Deposit yang berbaki RM171.71 juta yang masih tidak dituntut melibatkan pendeposit bagi tahun 1966 hingga 2017, seperti dalam **Jadual 40**. Deposit yang

boleh dikembalikan tetapi masih tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan pewartaan.

JADUAL 40
DEPOSIT YANG MASIH TIDAK DITUNTUT TAHUN 1966 HINGGA 2017

BIL.	JENIS DEPOSIT	TAHUN TIDAK DITUNTUT	BAKI DEPOSIT (RM Juta)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	1991-2017	0.61
2.	Deposit Tender	1989-2017	66.99
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	2000-2017	3.13
4.	Deposit Tanah	1966-2017	98.82
5.	Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	1978-2017	0.20
6.	Deposit Royalti Kayu Kayan	2003-2017	1.96
JUMLAH			171.71

Sumber: Rekod Jabatan

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

9.1. Memorandum Aset

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh kerajaan negeri kepada Agensi Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Sumber pinjaman ini diperoleh oleh kerajaan negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM22.12 juta atau 8% iaitu daripada RM275.09 juta pada tahun 2017 kepada RM252.97 juta pada tahun 2018.

b. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi

Pada 31 Disember 2018, kedudukan baki tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi iaitu PKNK berjumlah RM83.83 juta, meningkat sejumlah RM3.70 juta atau 4.6% berbanding RM80.13 juta pada tahun 2017. PKNK sepatutnya

membayar balik ansuran pinjaman kepada kerajaan negeri berjumlah RM109.50 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM29.37 juta dan tunggakan tahun 2017 berjumlah RM80.13 juta. Bagaimanapun, hanya RM25.67 juta bayaran balik bagi pokok dan faedah telah diterima pada tahun 2018. Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Agensi kepada kerajaan negeri adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2018

AGENSI	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	ANUITI TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
PKNK	80.13	29.37	109.50	25.67	83.83

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

9.1.2. Pelaburan

- a. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri memiliki saham dalam lima (5) syarikat berjumlah RM25.50 juta, tidak berubah berbanding tahun 2017 kerana tiada tambahan pelaburan yang dibuat pada tahun 2018. Tiada dividen atau pulangan diterima pada tahun 2018 bagi kesemua pelaburan tersebut. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
**KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	0.00	0.0
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	0.00	0.0
3.	Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.00	0.0
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.0
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.)	20.00	20.00	0.00	0.0
JUMLAH		25.50	25.50	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

- b. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018

BIL.	SYARIKAT	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	1.50	1.50	1.50
3.	Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.60	1.00	1.00
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.)	0.25	7.00	10.50	20.00	20.00
JUMLAH		5.35	12.1	15.60	25.50	25.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018

9.2. Memorandum Liabiliti

9.2.1. Hutang Awam

- a. Kerajaan negeri menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2018, baki hutang awam berjumlah RM2.704 bilion meningkat sejumrah RM56.61 juta atau 2.1% berbanding RM2.648 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Bekalan Air berjumlah RM31.91 juta dan pengiktirafan faedah tertunggak berjumlah RM92.92 juta. Faedah tertunggak terdiri daripada RM18.72 juta bagi pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), RM48.52 juta bagi pinjaman Bekalan Air, RM13.12 juta bagi pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan RM12.56 juta bagi pinjaman pelbagai. Kerajaan Persekutuan telah menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri bagi projek Bekalan Air Luar Bandar untuk tahun 2000 dan sebelumnya berdasarkan baki pinjaman yang belum selesai berjumlah RM47.68 juta. Bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 berjumlah RM30.03 juta. Kedudukan baki Hutang Awam kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	1,828.72	1,796.97	31.75	1.8
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	168.93	151.61	17.32	11.4
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	291.22	301.55	-10.33	3.4
4.	Pelbagai	415.91	398.04	17.87	4.5
JUMLAH		2,704.78	2,648.17	56.61	2.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018 dan 2017

b. Tunggakan bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM1.159 bilion meningkat sejumrah RM41.61 juta atau 3.7% berbanding RM1.118 bilion pada tahun 2017. Kedudukan baki tunggakan hutang awam bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN HUTANG AWAM
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	865.70	838.55	27.15	3.2
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	90.51	86.05	4.46	5.2
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	112.57	110.68	1.89	1.7
4.	Pelbagai	90.33	82.22	8.11	9.9
JUMLAH		1,159.11	1,117.50	41.61	3.7

Sumber: Perbendaharaan Negeri

10. AKAUN BELUM TERIMA

10.1. Pada akhir tahun 2018, Akaun Belum Terima berjumlah RM249.88 juta iaitu meningkat sejumrah RM9.38 juta atau 3.9% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM240.50 juta. Punca utama adalah peningkatan tunggakan hasil Pejabat Tanah meningkat sejumrah RM18.46 juta atau 17.9%, sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) oleh SUK Bahagian Perumahan sejumrah RM4.18 juta atau 7.4%. Penurunan pula adalah disebabkan tunggakan hasil Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. menurun sejumrah RM14.02 juta atau 20.9% dan tunggakan hasil Pentadbir Daerah berjumlah RM2.48 juta atau 65.3%. Kedudukan baki Akaun Belum Terima pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA
PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	53.09	67.11	-14.02	20.9
2.	Pejabat Tanah	121.56	103.10	18.46	17.9
3.	SUK Bahagian Perumahan	60.50	56.32	4.18	7.4
4.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.11	0.11	0.00	0.0
5.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	12.00	12.00	0.00	0.0
6.	Pentadbir Daerah	2.48	1.50	0.98	65.3
7.	Lain-Lain Jabatan	0.14	0.36	-0.22	61.1
JUMLAH		249.88	240.50	9.38	3.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


10.2. Tunggakan hasil Pejabat Tanah telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM18.46 juta atau 17.9% kepada RM121.56 juta berbanding RM103.10 juta pada tahun 2017. Pejabat Tanah Kulim, Pejabat Tanah Kuala Muda dan Pejabat Tanah Kubang Pasu mencatatkan peningkatan iaitu masing-masing berjumlah RM6.35 juta, RM6.12 juta dan RM2.21 juta. Kedudukan tunggakan cukai tanah bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 47** dan **Carta 5**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PEJABAT TANAH	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kulim	26.19	19.84	6.35	32.0
2.	Kuala Muda	44.89	38.77	6.12	15.8
3.	Kubang Pasu	14.14	11.93	2.21	18.5
4.	Pendang	6.07	4.53	1.54	34.0
5.	Baling	3.67	2.80	0.87	31.1
6.	Langkawi	5.14	4.34	0.80	18.4
7.	Pokok Sena	1.99	1.69	0.30	17.8
8.	Padang Terap	2.89	2.68	0.21	7.8
9.	Kota Setar	12.68	12.64	0.04	0.3
10.	Bandar Baharu	0.65	0.62	0.03	4.8
11.	Sik	1.98	1.98	0	0
12.	Yan	1.27	1.28	-0.01	0.8
JUMLAH		121.56	103.10	18.46	17.9

Sumber: Rekod Jabatan

CARTA 5
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017



10.3. Tunggakan sewa rumah di SUK Bahagian Perumahan meningkat sejumlah RM4.18 juta atau 7.4% kepada RM60.50 juta berbanding RM56.32 juta pada tahun 2017. Tunggakan ini terdiri daripada hasil sewa rumah PPR dan PAKR. Tunggakan hasil PAKR mencatatkan peningkatan sejumlah RM1.71 juta manakala PPR mencatatkan peningkatan sejumlah RM2.47 juta.

10.4. Pada tahun 2018 tiada perubahan bagi tunggakan hasil jualan saham Kedah Aquaculture berjumlah RM12 juta oleh Perbadanan Menteri Besar Kedah. Tunggakan hasil Pentadbir Daerah meningkat sejumlah RM0.98 juta kepada RM2.48 juta berbanding RM1.50 juta bagi tahun 2017. Tunggakan hasil dari cukai hiburan *Underwater World Langkawi* oleh Pejabat Daerah Langkawi berjumlah RM2.47 juta.

10.5. Tunggakan hasil Lain-Lain Jabatan melibatkan Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai dilaporkan pada tahun 2018 berjumlah RM0.14 juta berbanding tahun 2017 berjumlah RM0.36 juta. Terdapat hapuskira pendahuluan sejumlah RM0.03 juta.

10.6. Tunggakan Hasil Air, Syarikat Air Darul Aman (SADA) menurun sejumlah RM14.02 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Penurunan adalah disebabkan kutipan tunggakan JBA Kedah oleh SADA berjumlah RM3.64 juta dan hapuskira berjumlah RM0.63 juta melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Istana Anak Bukit dan Stadium Sultan Abdul Halim. Hapus kira ini telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Oktober 2011 dan 9 Disember 2015. Baki berjumlah RM9.75 juta telah dikeluarkan dari senarai tunggakan JBA namun tiada senarai terperinci yang menyokong ABT tersebut. Berdasarkan maklum balas pihak SADA bertarikh 16 Julai 2018, jumlah tersebut adalah pelarasan tunggakan hasil air semasa SADA.

10.7. Analisis pengumuran tunggakan Akaun Belum Terima adalah seperti dalam **Jadual 48** dan analisis pengumuran tunggakan cukai tanah adalah seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 48
ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN AKAUN BELUM TERIMA

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	1 – 3 TAHUN (RM Juta)	4 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	0.00	0.00	53.09
2.	Pejabat Tanah	54.58	12.61	54.37
3.	SUK Bahagian Perumahan	24.56	20.04	15.90
4.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.00	0.00	0.11
5.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	0.00	0.00	12.00

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	1 – 3 TAHUN (RM Juta)	4 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
6.	Pentadbir Daerah	*0.00	2.48	**0.00
7.	Lain-Lain Jabatan	0.06	0.06	0.02
JUMLAH		79.20	35.19	135.49

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Nota: (*) - RM1,500.00 (***) - RM200.00

JADUAL 49 **ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH**

BIL.	PEJABAT TANAH	1 – 3 TAHUN (RM Juta)	4 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Sik	0.90	0.30	0.78
2.	Langkawi	4.39	0.24	0.51
3.	Bandar Baharu	0.33	0.12	0.21
4.	Padang Terap	0.88	0.38	1.61
5.	Kulim	12.55	2.56	11.08
6.	Baling	2.00	0.59	1.08
7.	Yan	0.62	0.22	0.42
8.	Kota Setar	4.46	1.30	6.92
9.	Kuala Muda	20.03	4.18	20.67
10.	Kubang Pasu	5.60	2.10	6.44
11.	Pendang	1.81	0.41	3.85
12.	Pokok Sena	1.01	0.21	0.80
JUMLAH		54.58	12.61	54.37

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2018 adalah stabil. Baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan penurunan sejumlah RM79.35 juta atau 51.6% kepada RM74.57 juta berbanding RM153.92 juta pada tahun 2017. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit tahun semasa berjumlah RM49.38 juta kerana hasil diterima berjumlah RM559.12 juta tidak dapat menampung perbelanjaan berjumlah RM608.50 juta. Baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM593.26 juta pada tahun 2017 telah meningkat sejumlah RM49.38 juta atau 8.3% menjadi RM642.64 juta pada tahun 2018. Baki Akaun Belum Terima juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM9.38 juta kepada RM249.88 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM22.12 juta kepada RM252.97 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi meningkat sejumlah RM3.70 juta kepada RM83.83 juta. Baki Hutang Awam kerajaan negeri masih tinggi iaitu berjumlah RM2.704 bilion.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus semasa. Hasil daripada pelbagai sumber termasuk hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan perlu dikenal pasti dan ditambah baik. Kutipan hasil kerajaan negeri perlu dipertingkatkan dengan pelaksanaan sistem kutipan dan penguatkuasaan yang berkesan. Selain itu, tindakan yang lebih gigih perlu diambil untuk memastikan tunggakan hasil dikutip dengan segera dan pinjaman dibayar oleh Agensi Negeri mengikut jadual yang ditetapkan. Kerajaan negeri perlu juga mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejasakan mutu perkhidmatan dan pembangunan Negeri Kedah.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018	Bilangan agensi negeri	18 penyata kewangan yang telah disahkan
	11 Badan Berkanun Negeri	18 Pendapat Tanpa Teguran
	11 Pihak Berkuasa Tempatan	
	1 Majlis Agama Islam	
Badan Berkanun Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan	Cukai Taksiran
↓ RM70.32 juta Defisit Semasa	↓ RM12.59 juta Defisit Semasa	↑ RM3.58 juta Semasa
↓ 41.54 juta Aset Semasa Bersih	↓ RM9.35 juta Liabiliti Semasa Bersih	↓ RM0.48 juta Tunggakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan Agensi Negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap **23** penyata kewangan Agensi bagi tahun 2018 iaitu 11 BBN, 11 PBT dan satu (1) MAI. Daripada jumlah tersebut, 11 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 11 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2015).

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga (3) BBN dan MAI manakala baki 19 penyata kewangan dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.



12 BBN/MAI, 11 PBT
23 Agensi

16 Agensi mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April

7 Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2019, kesemua 12 BBN/MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 23 Agensi terlibat, 16 Agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019 manakala tujuh (7) Agensi iaitu Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan Lembaga Maktab Mahmud Kedah telah menyerahkan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	18.04.2019
2.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	25.04.2019
3.	Majlis Sukan Negeri Kedah	30.04.2019
4.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	30.04.2019
5.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	09.05.2019
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	16.05.2019
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	21.05.2019
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	27.05.2019
9.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	30.05.2019
10.	Yayasan Islam Negeri Kedah	03.06.2019
11.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	18.06.2019
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Langkawi	02.04.2019
2.	Majlis Daerah Pendang	25.04.2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
3.	Majlis Bandaraya Alor Setar	28.04.2019
4.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	29.04.2019
5.	Majlis Perbandaran Kulim	29.04.2019
6.	Majlis Daerah Bandar Baharu	29.04.2019
7.	Majlis Daerah Yan	29.04.2019
8.	Majlis Daerah Sik	29.04.2019
9.	Majlis Daerah Padang Terap	29.04.2019
10.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	30.04.2019
11.	Majlis Daerah Baling	30.04.2019
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	27.03.2019

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi Negeri mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi Negeri untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Agensi Negeri Kedah bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH
AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	2
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)</i>	1
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	20
JUMLAH		23

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disedia berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Pendapat Penafian hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan *Other Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan atas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenalpasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Pendapat Penafian

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.2.3. Setakat 31 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 18 penyata kewangan tahun 2018 iaitu tujuh (7) penyata kewangan BBN/MAI dan 11 penyata kewangan PBT. Kesemua 18 penyata kewangan BBN/MAI dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan dikeluarkan Pendapat Audit Tanpa Teguran. Kedudukan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENYATA KEWANGAN AGENSI MEGIKUT PENDAPAT AUDIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 SEHINGGA 2018

BIL	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	22	22	16	18
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	-	-	7	-
3.	Pendapat Berteguran	1	-	-	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	1	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-
JUMLAH		23	23	23	18

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018

5.2.4. Bagi tahun kewangan 2018, setakat 31 Ogos 2018 sebanyak tujuh (7) penyata kewangan BBN/MAI dan 11 penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sebanyak 23 penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara dan 22 penyata kewangan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak dibentangkan dan hanya perlu disiarkan dalam warta di bawah perenggan 35 (2) Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DUN
PENYATA KEWANGAN 2017		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	11.11.2018
2.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	11.11.2018
3.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	15.04.2019
4.	Majlis Sukan Negeri Kedah	15.04.2019
5.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	15.04.2019
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	15.04.2019
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	15.04.2019
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	15.04.2019
9.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	15.04.2019
10.	Yayasan Islam Negeri Kedah	15.04.2019
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	15.04.2019
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	15.04.2019
3.	Majlis Perbandaran Kulim	15.04.2019
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	15.04.2019
5.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	15.04.2019
6.	Majlis Daerah Pendang	15.04.2019
7.	Majlis Daerah Bandar Baharu	15.04.2019
8.	Majlis Daerah Yan	15.04.2019
9.	Majlis Daerah Sik	15.04.2019
10.	Majlis Daerah Padang Terap	15.04.2019
11.	Majlis Daerah Baling	15.04.2019
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	11.11.2018

Sumber: Dewan Undangan Negeri Kedah

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi Agensi. Analisis prestasi kewangan Agensi Negeri disediakan berdasarkan kepada 23 penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2018. Sehingga 31 Ogos 2019, tujuh (7) penyata kewangan BBN/MAI dan 11 penyata kewangan PBT telah memperoleh Pendapat Tanpa Teguran. Manakala baki lima (5) penyata kewangan BBN masih belum dimuktamadkan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah.

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi 12 BBN/MAI adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul mengalami penurunan sejumlah RM51.83 juta atau 3.2% dan jumlah aset menurun sejumlah RM50.95 juta atau 2.3%. Aset semasa bersih juga mengalami penurunan sejumlah RM41.54 juta atau 7.2% berbanding tahun 2017. Selain itu, lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM70.32 juta atau 273.5% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan BBN/MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.



prestasi kewangan
12 BBN/MAI

Defisit pendapatan semasa RM44.61 juta berbanding lebihan RM25.71 juta.

Aset semasa bersih menurun sejumlah RM41.54 juta atau 7.2%.

JADUAL 5

PRESTASI KEWANGAN BBN/MAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,543.51	1,595.51	-51.83	3.2
2.	Jumlah Aset	2,198.79	2,249.74	-50.95	2.3
3.	Aset Semasa Bersih	539.06	580.60	-41.54	7.2
4.	Lebihan/Defisit Pendapatan Semasa	-44.61	25.71	-70.32	273.5

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, enam (6) BBN mencatatkan lebihan manakala enam (6) BBN/MAI mencatatkan defisit bagi tahun semasa. Lembaga Zakat Negeri Kedah memperoleh lebihan pendapatan tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM12.02 juta manakala Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatatkan defisit tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM60.49 juta. Sebanyak 11 BBN mencatatkan aset semasa bersih kecuali Majlis Sukan Negeri Kedah mengalami liabiliti semasa bersih berjumlah RM0.54 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN/MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KEWANGAN BBN/MAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN /DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	107.84	168.33	-60.49	329.07	124.55	204.52
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	184.44	172.42	12.02	208.88	12.66	196.22
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	13.57	8.03	5.54	40.77	15.82	24.95
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	9.61	9.87	-0.26	37.97	6.14	31.83
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	1.05	1.01	0.04	29.50	0.33	29.17
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	35.82	35.59	0.23	24.01	2.87	21.14
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	3.24	3.51	-0.27	22.12	0.38	21.74
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	10.26	9.15	1.11	3.89	0.38	3.51
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	5.20	5.12	0.08	3.15	0.19	2.96
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	3.64	4.25	-0.61	2.71	0.33	2.38
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.42	0.75	-0.33	2.37	1.19	1.18
12.	Majlis Sukan Negeri Kedah	8.78	10.45	-1.67	0.37	0.91	-0.54
JUMLAH		383.87	428.48	-44.61	704.81	165.75	539.06

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN/MAI merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti harta tanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh 12 BBN/MAI adalah bernilai RM2.198 bilion berbanding RM2.249 bilion pada 31 Disember 2017 iaitu mengalami penurunan sejumlah RM50.95 juta atau 2.3%. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatatkan pengurangan nilai aset yang ketara pada 31 Disember 2018 berbanding 31 Disember 2017 iaitu sejumlah RM107.73 juta atau 6.7%. Kedudukan aset BBN/MAI pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN ASET BBN/MAI
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	1,496.06	1,603.79	-107.73	6.7
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	311.38	266.85	44.53	16.7
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	71.63	63.46	8.17	12.9
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	77.46	72.32	5.14	7.1
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	36.21	36.53	-0.32	0.9
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	121.08	119.95	1.13	0.9
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	40.12	40.27	-0.15	0.4
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	6.45	5.57	0.88	15.8
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	3.74	3.66	0.08	2.2
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	26.86	28.39	-1.53	5.4
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	4.98	5.10	-0.12	2.4
12.	Majlis Sukan Negeri Kedah	2.82	3.85	-1.03	26.8
JUMLAH		2,198.79	2,249.74	-50.95	2.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih mengalami penurunan sejumlah RM41.54 juta atau 7.2%, iaitu daripada RM580.60 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM539.06 juta pada 31 Disember 2018. Satu (1) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih pada tahun 2018 iaitu Majlis Sukan Negeri Kedah sejumlah RM0.54 juta. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017


BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	204.52	259.23	-54.71	21.1
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	196.22	189.05	7.17	3.8
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	24.95	15.80	9.15	57.9
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	31.83	30.00	1.83	6.1
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	29.17	30.61	-1.44	4.7
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	21.14	20.41	0.73	3.6
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	21.74	24.15	-2.41	10.0
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	3.51	2.68	0.83	31.0
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	2.96	2.89	0.07	2.4
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2.38	3.00	-0.62	20.7
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	1.18	1.64	-0.46	28.0
12.	Majlis Sukan Negeri Kedah	-0.54	1.14	-1.68	147.4
JUMLAH		539.06	580.60	-41.54	7.2

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi 11 BBN/MAI iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah, Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah adalah berjumlah RM717.51 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, saham amanah dan lain-lain pelaburan. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah mencatat penurunan sejumlah RM43.72 juta atau 5.7% daripada RM761.23 juta pada tahun 2017 kepada RM717.51 juta pada tahun 2018. Pelaburan bagi 11 BBN/MAI tahun 2018 adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
PELABURAN BAGI 11 BBN/MAI PADA TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI

7.1.5. Analisis Audit terhadap pelaburan mendapati empat (4) BBN mencatatkan penurunan pelaburan antara RM73.08 juta hingga RM0.11 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatat penurunan pelaburan tertinggi iaitu RM73.08 juta atau 13.1% pada tahun 2018. Manakala pelaburan bagi tujuh (7) BBN mengalami peningkatan antara RM0.01 juta hingga RM25.50 juta pada tahun 2018. Kedudukan Pelaburan BBN pada tahun 2018 dan 2017 adalah dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN PELABURAN BBN/MAI
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		SAHAM AMANAH (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	387.76	468.94	25.41	25.41	11.00	13.17	59.15	48.88	483.32	556.40
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	141.79	116.29	141.79	116.29
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	11.53	11.53	0.00	0.00	7.17	8.75	0.00	0.50	18.70	20.78
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	0.35	0.35	0.00	0.00	1.92	2.30	32.02	29.10	34.29	31.75
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	6.64	5.14	6.64	5.14
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	10.52	9.21	10.52	9.21
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.19	0.24	17.00	15.87	17.19	16.11
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.11	0.00	0.11
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1.83	1.78	1.83	1.78
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.45	0.44	0.45	0.44
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.96	1.08	1.82	2.14	2.78	3.22
JUMLAH		399.64	480.82	25.41	25.41	21.24	25.54	271.22	229.46	717.51	761.23

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.6. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi 12 BBN/MAI mengalami penurunan sejumlah RM32.15 juta atau 6.3% iaitu daripada RM506.33 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM474.18 juta pada 31 Disember 2018. Empat (4) BBN mencatatkan penurunan liabiliti manakala lapan (8) BBN/MAI mencatatkan peningkatan liabiliti. Analisis Audit mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatatkan penurunan nilai liabiliti yang paling ketara iaitu sejumlah RM39.49 juta atau 8.4% disebabkan penurunan dalam pinjaman kerajaan negeri, bantuan/geran Kerajaan diterima, pembiutang dagangan dan obligasi manfaat persaraan. Kedudukan liabiliti BBN adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN LIABILITI BBN/MAI
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	431.62	471.11	-39.49	8.4
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	12.88	9.64	3.24	33.6
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	16.77	14.70	2.07	14.1
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	6.24	4.64	1.60	34.5
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	0.33	0.69	-0.36	52.2
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	2.90	2.01	0.89	44.3
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	0.38	0.28	0.10	35.7
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	0.44	0.73	-0.29	39.7
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	0.19	0.19	0.00	0.0
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	0.33	1.10	-0.77	70.0
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	1.19	0.69	0.50	72.5
12.	Majlis Sukan Negeri Kedah	0.91	0.55	0.36	65.5
JUMLAH		474.18	506.33	-32.15	6.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.7. Analisis Nisbah

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi Majlis Sukan Negeri Kedah adalah kurang daripada satu disebabkan liabiliti semasa yang tinggi dicatatkan bagi agensi tersebut. Sebahagian besar daripada liabiliti semasa Majlis Sukan Negeri Kedah adalah akaun belum bayar.
- b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN/MAI adalah baik kerana nisbah berkenaan antara 0.9% hingga 32.3% bagi kesemua agensi.
- c. Aliran Tunai Bersih menggambarkan sama ada tunai yang dijana daripada aktiviti operasi mencukupi atau tidak untuk membiayai aktivitinya. Analisis Audit mendapati tujuh (7) BBN/MAI menunjukkan Aliran Tunai Bersih yang positif. Manakala lima (5) BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah dan Majlis Sukan Negeri Kedah menunjukkan Aliran Tunai Bersih yang negatif. Analisis kecairan dan kestabilan bagi 12 BBN/MAI pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BAGI BBN/MAI NEGERI PADA TAHUN 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA	ALIRAN TUNAI BERSIH	NISBAH HUTANG
				(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	2.64	2.38	204.52	-1.82	21.1
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	16.50	16.50	196.22	11.72	4.1
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2.58	2.58	24.95	4.69	22.1
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	6.18	6.18	31.83	1.32	7.9
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	89.39	89.39	29.17	-1.04	0.9
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	8.37	8.37	21.14	2.34	2.4
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	58.21	58.21	21.74	-0.82	1.0
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	10.24	10.24	3.51	1.54	7.0
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	16.58	16.58	2.96	0.16	5.1
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	8.21	8.21	2.38	-1.25	1.2
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	1.99	1.99	1.18	0.01	23.9
12.	Majlis Sukan Negeri Kedah	0.41	0.41	-0.54	-0.73	32.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) melabur sejumlah RM413.17 juta dalam 34 syarikat, Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) melabur sejumlah RM11.53 juta dalam dua (2) syarikat dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) melabur sejumlah RM0.35 juta dalam dua (2) syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS PELABURAN PADA KOS
DALAM ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018

PERKARA	BADAN BERKANUN			JUMLAH
	PKNK	YINK	MAIK	
Anak Syarikat (100%)	22	2	2	26
Anak Syarikat (>50%)	4	-	-	4
Syarikat Bersekutu (<50%)	8	-	-	8
JUMLAH SYARIKAT	34	2	2	38
JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	413.17	11.53	0.35	425.05

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati PKNK, YINK dan MAIK telah melabur dalam 30 anak syarikat iaitu 16 anak syarikat berstatus aktif, lapan (8) berstatus dorman dan enam (6) anak syarikat telah berhenti operasi. Sebanyak lapan (8) atau 30.8% daripada 26 anak syarikat PKNK adalah berstatus dorman dan enam (6) atau 23.1% telah berhenti operasi. Sebanyak dua (2) anak syarikat YINK dan dua (2) anak syarikat MAIK adalah berstatus aktif. Status bilangan anak syarikat BBN/MAI adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
STATUS BILANGAN ANAK SYARIKAT BBN/MAI BAGI TAHUN 2018

BIL.	BBN	STATUS AKTIF	BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
			STATUS DORMAN	STATUS HENTI OPERASI	JUMLAH SYARIKAT
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	12	8	6	26
2.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2	-	-	2
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2	-	-	2
JUMLAH		16	8	6	30

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak lapan (8) anak syarikat yang aktif di bawah tiga (3) BBN/MAI mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM322.21 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 22 anak syarikat BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM29.57 juta. Antara anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah anak syarikat kepada Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. sejumlah RM279.58 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN/MAI bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BBN/MAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/KERUGIAN BERSIH (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	5	319.69	21	26.74	292.95
2.	Yayasan Islam Negeri Kedah	1	1.68	1	2.83	-1.15
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2	0.84	-	-	0.84
JUMLAH		8	322.21	22	29.57	292.64

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi kewangan PBT telah mencatatkan penurunan lebihan sejumlah RM12.59 juta atau 154.48% berbanding tahun sebelumnya di mana defisit keseluruhan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sejumlah RM4.44 juta. Secara keseluruhannya tiga (3) PBT mencatatkan lebihan berjumlah RM17.69 juta manakala lapan (8) PBT mencatat defisit berjumlah RM22.13 juta bagi tahun 2018. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) mencatatkan peningkatan lebihan paling tinggi sejumlah RM11.17 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Manakala Majlis Perbandaran Sungai Petani mencatatkan lebihan berjumlah RM6.19 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berbanding defisit berjumlah RM7.65 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan yang terdiri daripada hasil cukai, sewaan dan bayaran perkhidmatan.

- a. Prestasi Majlis Daerah Sik mencatatkan perubahan defisit tertinggi daripada lebihan RM24.99 juta kepada defisit RM2.01 juta pada tahun 2018. Ini disebabkan pelunasan geran terdahulu berjumlah RM24.93 juta yang sepatutnya dipelaraskan ke Kumpulan Wang telah diiktiraf sebagai hasil dalam tahun kewangan 2017. Kedudukan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15** dan kedudukan perubahan lebihan/defisit PBT bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 15
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PBT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Langkawi	37.91	26.74	11.17	45.53	36.8	8.73
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	78.48	72.29	6.19	87.37	61.37	26.00
3.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	22.28	30.20	-7.92	38.58	22.43	16.15
4.	Majlis Daerah Sik	5.15	7.16	-2.01	3.42	3.08	0.34



Prestasi kewangan tahun 2018.

11 PBT

Defisit pendapatan berjumlah RM4.44 juta berbanding lebihan RM8.15 juta.

8 PBT mencatatkan defisit manakala 3 PBT mencatatkan lebihan.

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	5.55	6.03	-0.48	5.12	5.22	-0.10
6.	Majlis Perbandaran Kulim	44.7	49.52	-4.82	29.99	28.99	-2.90
7.	Majlis Bandaraya Alor Setar	84.49	88.04	-3.55	62.95	67.84	-4.89
8.	Majlis Daerah Padang Terap	6.22	5.89	0.33	8.7	14.65	-5.95
9.	Majlis Daerah Yan	6.68	8.02	-1.34	3.69	16.58	-12.89
10.	Majlis Daerah Pendang	10.38	10.49	-0.11	10.86	27.82	-16.96
11.	Majlis Daerah Baling	16.28	18.18	-1.9	9.88	35.56	-25.68
JUMLAH		318.12	322.56	-4.44	306.09	320.34	-14.25

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

JADUAL 16
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT PBT
BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	LEBIHAN/DEFISIT (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	6.19	-7.65	13.84	180.9
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	-3.55	-11.64	8.09	69.5
3.	Majlis Daerah Baling	-1.9	-4.53	2.63	58.1
4.	Majlis Daerah Yan	-1.34	-1.95	0.61	31.3
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	-0.48	-0.64	0.16	25.0
6.	Majlis Daerah Padang Terap	0.33	0.31	0.02	6.5
7.	Majlis Perbandaran Langkawi	11.17	11.61	-0.44	3.8
8.	Majlis Daerah Pendang	-0.11	0.6	-0.71	118.3
9.	Majlis Perbandaran Kulim	-4.82	-3.11	-1.71	55.0
10.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	-7.92	0.16	-6.18	3,862.5
11.	Majlis Daerah Sik	-2.01	24.99	-27.00	108.0
JUMLAH		-4.44	8.15	-12.59	154.5

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, liabiliti semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM14.25 juta berbanding liabiliti semasa bersih berjumlah RM4.90 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Sebanyak dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Langkawi dan Majlis Perbandaran Kulim mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih manakala sembilan (9) PBT lagi mencatatkan pengurangan dalam aset semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Enam (6) PBT

mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Baling dan Majlis Daerah Bandar Baharu. Liabiliti semasa bersih paling tinggi dicatatkan oleh Majlis Daerah Baling berjumlah RM25.91 juta disebabkan peningkatan dalam pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru pada tahun 2018. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih PBT pada tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH PBT
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET / LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Langkawi	45.53	36.8	8.73	34.89	34.13	0.76
2.	Majlis Perbandaran Kulim	29.99	28.99	1.00	26.56	33.24	-6.68
3.	Majlis Bandaraya Alor Setar	62.95	67.84	-4.89	67.18	76.55	-9.37
4.	Majlis Daerah Padang Terap	8.7	14.65	-5.95	8.08	15.65	-7.57
5.	Majlis Daerah Yan	3.69	16.58	-12.89	3.41	16.38	-12.97
6.	Majlis Daerah Pendang	10.86	27.82	-16.96	10.29	28.07	-17.78
7.	Majlis Daerah Baling	9.88	35.56	-25.68	9.94	35.85	-25.91
8.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	87.37	61.37	26.00	114.23	65.84	48.39
9.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	38.58	22.43	16.15	44.1	20.13	23.97
10.	Majlis Daerah Sik	3.42	3.08	0.34	3.97	2.05	1.92
11.	Majlis Daerah Bandar Baharu	5.12	5.22	-0.10	4.72	4.38	0.34
JUMLAH		306.09	320.34	-14.25	327.37	332.27	-4.9

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

7.3.3. Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya) dan harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya).

a. Hasil Cukai Taksiran

Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM115.82 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh 11 PBT di Negeri Kedah. Hasil cukai taksiran tahun 2018 meningkat

sejumlah RM3.58 juta atau 3.19% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2017. Kedudukan hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PBT BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Bandar Baharu	1.03	0.93	0.10	10.8
2.	Majlis Daerah Baling	2.27	2.15	0.12	5.6
3.	Majlis Perbandaran Langkawi	12.97	12.32	0.65	5.3
4.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	6.47	6.17	0.30	4.9
5.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	38.48	37.06	1.42	3.8
6.	Majlis Daerah Sik	0.86	0.83	0.03	3.6
7.	Majlis Bandaraya Alor Setar	33.38	32.63	0.75	2.3
8.	Majlis Perbandaran Kulim	16.69	16.45	0.24	1.5
9.	Majlis Daerah Padang Terap	1.20	1.23	-0.03	2.4
10.	Majlis Daerah Pendang	1.59	1.59	0.00	0.0
11.	Majlis Daerah Yan	0.88	0.88	0.00	0.0
JUMLAH		115.82	112.24	3.58	3.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

b. Tuggakan Hasil Cukai Taksiran

Penyata Kewangan bagi 11 PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM88.09 juta iaitu penurunan sejumlah RM0.48 juta berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak lapan (8) PBT mencatatkan peningkatan dalam tunggakan hasil cukai taksiran antara RM0.01 juta hingga RM0.82 juta. Majlis Perbandaran Sungai Petani mencatatkan peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran tertinggi sejumlah RM0.82 juta atau 2.7% berbanding tahun sebelumnya. Manakala tiga (3) PBT iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Kulim dan Majlis Perbandaran Langkawi telah mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya masing-masing berjumlah RM1.75 juta, RM0.21 juta dan RM0.17 juta. Majlis Bandaraya Alor Setar mencatatkan penurunan tertinggi antaranya disebabkan oleh kejayaan Majlis Bandaraya Alor Setar dalam usaha mengutip tunggakan daripada penghutang Majlis. Kedudukan tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PBT BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	31.41	30.59	0.82	2.7
2.	Majlis Daerah Baling	2.66	2.41	0.25	10.4
3.	Majlis Daerah Yan	1.15	0.98	0.17	17.3
4.	Majlis Daerah Pendang	1.09	0.93	0.16	17.2
5.	Majlis Daerah Padang Terap	0.73	0.63	0.10	15.9
6.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	4.98	4.91	0.07	1.4
7.	Majlis Daerah Sik	0.80	0.73	0.07	9.6
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.76	0.75	0.01	1.3
9.	Majlis Perbandaran Langkawi	4.64	4.81	-0.17	3.5
10.	Majlis Perbandaran Kulim	14.59	14.80	-0.21	1.4
11.	Majlis Bandaraya Alor Setar	25.28	27.03	-1.75	6.5
JUMLAH		88.09	88.57	-0.48	0.5

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi 11 PBT adalah RM318.12 juta. Manakala, tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM88.09 juta. Terdapat tiga (3) PBT yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada pendapatan tahunan. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil tindakan serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa PBT yang berkenaan. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
BERBANDING PENDAPATAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	31.41	78.48	40.0
2.	Majlis Perbandaran Kulim	14.59	44.70	32.6
3.	Majlis Bandaraya Alor Setar	25.28	84.49	29.9
4.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	4.98	22.28	22.4
5.	Majlis Daerah Yan	1.15	6.68	17.2
6.	Majlis Daerah Baling	2.66	16.28	16.3
7.	Majlis Daerah Sik	0.80	5.15	15.5
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.76	5.55	13.7
9.	Majlis Perbandaran Langkawi	4.64	37.91	12.2
10.	Majlis Daerah Padang Terap	0.73	6.22	11.7
11.	Majlis Daerah Pendang	1.09	10.38	10.5
JUMLAH		88.09	318.12	27.9

Sumber: Jabatan Audit Negara

8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREA*)

Mulai tahun 2019, pelaksanaan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan dan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah merangkumi lima (5) *Key Audit Area* (jika berkaitan) sebagai fokus pengauditan, iaitu penyaluran dan penggunaan geran peruntukan, pinjaman diterima, cukai taksiran/agihan zakat, perolehan artifak/karya/seni dan pelaburan/pinjaman diberi. *Key Audit Area* ini telah dimasukkan dalam skop pengauditan bertujuan melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak. Isu yang dibangkitkan berdasarkan Bidang Utama Audit (*Key Audit Area*) seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
ISU YANG DIBANGKITKAN BERDASARKAN BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREA*)

BIL.	BIDANG UTAMA	PENEMUAN AUDIT	AGENSI
1.	Pengurusan Taksiran	<p>Peruntukan Hutang Ragu Cukai Taksiran</p> <p>MDPT tidak membuat peruntukan hutang rugu bagi cukai taksiran. Berdasarkan analisis Audit ke atas pengumuran cukai taksiran MDPT, sejumlah RM0.34 juta atau 47% daripada jumlah tunggakan cukai taksiran merupakan tunggakan yang melebihi 48 bulan. MDPT seharusnya mengenal pasti kebolehketipan penghutang-penghutang tersebut seterusnya membuat peruntukan hutang rugu jika hutang tersebut tidak dapat dikutip.</p> <p>i) Perbezaan Jumlah Tunggakan Hasil Cukai Pintu di Penyata Kedudukan Kewangan dan Laporan Pengumuran</p> <p>Terdapat perbezaan tunggakan hasil cukai pintu antara jumlah di Penyata Kedudukan Kewangan dan jumlah di laporan pengumuran tunggakan hasil pintu sejumlah RM33,137.</p> <p>ii) Tiada Peruntukan Hutang Ragu</p> <p>MDP tidak membuat peruntukan hutang rugu terhadap tunggakan hasil cukai pintu pada tahun semasa berjumlah RM1.09 juta.</p> <p>iii) Tiada Peruntukan Hutang Ragu</p> <p>MBAS tidak membuat peruntukan hutang rugu terhadap tunggakan hasil cukai pintu pada tahun semasa berjumlah RM25.28 juta.</p>	Majlis Daerah Padang Terap (MDPT)
2.	Agihan Zakat	<p>Zakat Diberi Kepada Penerima Yang Telah Meninggal Dunia</p> <p>Pengesahan oleh Jabatan Pendaftaran Negara telah dibuat terhadap 50 sampel penerima zakat Daerah Kota Setar pada bulan Disember 2018 bagi mengesahkan status penerima bantuan zakat sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia. Selain itu, semakan lanjut dengan Pejabat Zakat Kota Setar telah dibuat untuk menentukan sama ada zakat masih diberikan kepada penerima yang telah meninggal dunia.</p> <p>Setakat bulan Februari 2019, sembilan (9) daripada 50 sampel penerima zakat telah meninggal dunia dan enam (6) daripadanya masih menerima zakat selepas meninggal dunia.</p>	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
3.	Pengurusan Artifik	<p>Barang-Barang Artifik Tidak Diinsurans</p> <p>Lembaga Muzium Negeri Kedah menyimpan artifik-artifik yang mempunyai nilai yang tinggi namun LMNK tidak mengambil insurans terhadap aset warisan disebabkan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Tindakan ini meletakkan LMNK dalam risiko yang tinggi jika berlaku kebakaran atau kecurian.</p>	Lembaga Muzium Negeri Kedah (LMNK)

Sumber: Penyata Kewangan PBT dan BBN/MAI Tahun 2018

9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Ogos 2019 sebanyak 18 penyata kewangan Agensi Negeri telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran. Manakala lima (5) penyata kewangan masih belum disahkan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah.

9.2. Prestasi kewangan 12 BBN termasuk MAI adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya BBN telah mencatatkan penurunan dalam lebihan pendapatan terkumpul berjumlah RM51.83 juta berbanding tahun 2017. Pada tahun 2018 juga BBN telah mencatatkan defisit pendapatan sejumlah RM44.61 juta berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM25.71 juta pada tahun 2017.

9.3. Prestasi kewangan 11 PBT secara keseluruhannya mencatatkan penurunan lebihan berjumlah RM12.59 juta atau 154.5% berbanding tahun 2017. Pada tahun 2018 PBT mencatatkan defisit pendapatan sejumlah RM4.44 juta berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM8.15 juta pada tahun 2017.

9.4. Pematuhan terhadap *Key Audit Area* yang disemak terhadap penyata kewangan yang telah diaudit, meliputi kriteria Cukai Taksiran, Geran Pembangunan, Agihan Zakat, Perolehan Artifak dan Pelaburan adalah memuaskan. Tiada penemuan yang secara individu/agregat adalah material dan pervasif yang memberi kesan kepada pengesahan penyata kewangan.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di Agensi Negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. Agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.2. Agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan; dan

10.3. Agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.

BAHAGIAN IV

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri Kedah yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri (DUN). Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2017 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat kerajaan negeri Tahun 2017 Siri 2 telah dibentangkan di DUN pada 15 April 2019.


2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di Jabatan dan Agensi Negeri. Selaras dengan peranan ini, bagi tahun 2018 hingga 31 Ogos 2019, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu satu (1) kali pada tahun 2018 dan dua (2) kali pada tahun 2019 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
Tahun 2018			
1/2018	15 Mac 2018	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Pengurusan Premis Perniagaan (Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1)
Tahun 2019			
1/2019	17 Januari 2019	Jabatan Pertanian Negeri Kedah	Pengurusan Program Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 1)
2/2019	11 April 2019	Syarikat Air Darulaman Sdn. Bhd. (SADA)	Taklimat Krisis Air di Kawasan Merbok –Kos dan Perbelanjaan

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 adalah memuaskan. Kedudukan kewangan kerajaan negeri pada 31 Disember 2018 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing adalah pada tahap memuaskan berbanding tahun 2017. Manakala, prestasi pelaksanaan projek di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun 2018 adalah cemerlang kerana 96.2% projek telah disiapkan. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

